

# WORLD-CLASS EXCELLENCE

# WE + C·H·A·N·G·E

C E O C O N D U S I V E

H I G H R E S E A R C H I M P A C T

A C A D E M I C A L L Y

W E A L T H N O T A C R E A T I O N

G O V E R N A N C E G L O R I O U S

E X C E P T I O N A L L Y T A L E N T E D G R A D U A T E S

1 MALAYSIA

RMK-11

MBE

PPPM(PT)

WAWASAN 2020

WORLD CLASS RANKING

## GONDUSIVE ECOSYSTEM

Universiti yang bertaraf dunia ialah universiti yang mempunyai Ekosistem yang Kondusif. Ekosistem terbina oleh suatu komuniti (pemimpin, staf dan pelajar) yang saling melengkapi dan memberikan manfaat secara menyaling. Kondusif bermaksud sihat, selamat, menyegarkan, menyeronkkan, memudahkan, dan mendamaikan. Pada tahun 2020 UniMAP diharapkan dapat menjadikan tempat bekerja dan belajar (yang terdiri daripada ekologi, infrastruktur, kemudahan, kepemimpinan, sistem dan budaya) yang mengamankan dan menyegarkan akal, perasaan dan jiwa supaya komunitinya dapat mengembangkan potensi spiritual, ilmu dan bakat secara optimum.

## A CADEMICALLY EMINENT

Selain daripada aspek penyelidikan yang berkualiti, Keunggulan Akademik dibina oleh elemen kualiti para sarjana, kurikulum program pengajian, dan pengiktirafan yang diperoleh daripada badan profesional. Para sarjana berupaya memamer ke upayaan dan daya intelektual yang tinggi di peringkat global dan universiti berjaya menarik minat sarjana tersohor di dunia untuk berkhidmat atau bekerjasama. Universiti berupaya menarik sebanyak mungkin penuntut antarabangsa yang terbaik khususnya penuntut pascasiswazah, selain daripada program pengajian diakreditasi oleh badan antarabangsa, dan institusi diiktiraf berputus tinggi oleh pelbagai badan pengiktirafan dalam dan luar negara.

## G OVERNANCE EFFICIENCY

Urus Tadbir Yang Efisien bertujuan memastikan pembahagian kuasa yang sistematis antara lembaga pengarah dengan para pengurus dan pentadbir. Sistem pengurusan dan pentadbiran universiti perlu berorientasikan pihak berkepentingan, kejelasan peranan, bersifat inklusif dalam pembuatan keputusan, telus, berintegriti, berakauntabiliti, beretika, responsif, cekap dan berkesan.

## HIGH IMPACT RESEARCH

Dibawah tema Penyelidikan Berimpact Tinggi UniMAP diharapkan dapat menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang berkualiti. Penyelidikan yang berkualiti terdiri daripada penyelidikan yang sering dirujuk dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, memberikan manfaat kepada masyarakat lokal dan global, bernilai tinggi untuk dikomersilkan, dan berupaya menjana pendapatan kepada universiti.

## N OTABLE WEALTH CREATION

Penciptaan Kekayaan Yang Ketara merupakan teras/tema strategik yang amat kritis. Kini universiti perlu menjana pendapatan secara dalaman melalui pelbagai kaedah termasuk pemerolehan geran penyelidikan daripada kerajaan dan swasta sama ada dari dalam atau luar negara, konsultansi, endowmen, pengkomersilan, sumbangan dan dermaan, dan sumber-sumber lain untuk meningkatkan daya saing dan memastikan kelangsungannya.

## E XCEPTIONALLY TALENTED GRADUATES

Siswazah Berbakat Istimewa menjadi matlamat utama dalam aspek keberhasilan aktiviti universiti. Berbakat istimewa bermaksud, selain daripada berilmu, berakhlik, memiliki kemahiran insaniyah yang tinggi, dan beramal dengan amalan-amalan yang baik seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara, Universiti perlu memastikan bahawa para siswazahnya menjadi rebutan di pasaran kerja di dalam dan luar negara; atau berpotensi menjadi usahawan sehingga berupaya menciptakan pekerjaan kepada insan-insan lain.